

21 OCT 1998

PERDANA MENTERI ETHIOPIA TIBA UNTUK LAWATAN LIMA HARI

KUALA LUMPUR, 21 Okt (Bernama) -- Perdana Menteri Ethiopia Meles Zenawi akan tiba di sini, malam ini, untuk memulakan lawatan rasmi lima hari ke Malaysia atas jemputan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Zenawi yang akan diiringi oleh Menteri Perdagangan dan Industri republik itu Kasahaun Ayele, pegawai-pegawai kanan kerajaan dan delegasi sektor swasta yang terdiri daripada 43-orang.

Satu majlis sambutan rasmi akan diadakan di medan Parlimen esok, menurut kenyataan Wisma Putra.

Selepas itu Zenawi dan rombongannya akan mengadakan perbincangan dengan Perdana Menteri mengenai isu-isu dua hala, serantau dan antarabangsa. Zenawi juga akan mengadap Yang Di-Pertuan Agung Tuanku Jaafar pada sebelah petang.

Dr Mahathir akan menganjurkan majlis makan bagi tetamu negara itu di Seri Perdana pada sebelah malam.

Zenawi dan delegasinya juga akan melawat Institut Penyelidikan Minyak Sawit Malaysia (PORIM), Institut Standard dan Penyelidikan Perindustrian Malaysia (SIRIM), Institut Penyelidikan Getah Malaysia (RRI), Lembaga Pembangunan Industri Malaysia (MIDA), dan juga lawatan ke skim FELDA di Serting, Bahau, Negeri Sembilan.

-- BERNAMA

SJA PR